

MAHATHIR R'R'R'  
(1)

DARI EFFENDI ARIFFIN

1984

OTTAWA, 14 JAN. (BERNAMA)-KEAMANAN DAN KESTABILAN YANG DIKEHENDAKI OLEH ASEAN BAGI ASIA TENGGARATIDAK AKAN TERCAPAI TANPA PENYELESAIAN ISU KAMPUCHEA, KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MALAM TAD I.

+OLEHITU ADALAH PENTING BAGI ASEAN DAN JUGA LAIN-LAIN NEGARA DI LUAR RANTAU ITU EERUSAHA KE ARAH MEWUJUDKANSEMULAKEBEBASAN, KEDAULATAN DAN KEUTUHAN NASIONAL RAKYAT KAMPUCHEA, + TAMBAHNYA DI MAJLIS MAKANMALAM YANG DIBERIKAN UNTUK MERAIKANNYA OLEH PERDANA MENTERI KANADA, ENCIK ELLIOT TRUDEAU.

PERDANA MENTERI MALAYSIA BERKATA KEMAMPUAN KERAJAAN CAMPURAN DEMOKRATIK KAMPUCHEA MEWAKILI KEPENTINGAN RAKYAT KAMPUCHEA MESTILAH DI AKUI.

MALAYSIA MENGHARGAI PENGIKTIRAFAN KANADA TERHADAP KERAJAAN CAMPURAN ITU SERTA BANTUANNYA DALAM USAHA Mencari PENYELESAIAN KEKAL KEPAOA MASALAH TERSEBUT, TAMBAHNYA.

MENYENTUH TENTANG HUBUNGAN ANTARA KANADA DAN ASEAN, BELIAU BERKATA TERDAPAT SKOP UNTUK K E R J A SYANG/LEBIH LUAS DALAM BIDANG EKONOMI, TEKNIKAL DAN PERINDUSTRIAN. -- LA61 1232/HM

MAHATHIR 2 OTTAWA R'R'R'

+DIALOG YANG BERTERUSAN ANTARA NEGARA-NEGARA ASEAN DAN BOLEH MELAHIRKAN PERKONGSIAN LEBIH ERAT DEMI KEPENTINGAN KEMAKMURAN ANTARA SATU DENGAN LAIN DAN KESEJAHTERAAN NEGARA-NEGARA DIRANTAU ITU, + KATANYA.

MENGENAI DIALOG UTARA-SELATAN, DATUK SERI DR MAHATHIR MAHU SATU + SIKAP SEGERA + DALAM USAHA KE ARAH MEWUJUDKAN HUBUNGAN EKONOMI YANG LEBIH SEMPURNA.

KATANYA, + SEMUA NEGARA PERLU MENYATAKAN KESANGGUPAN BAGI MEMBETULKAN KEADAAN EKONOMI SEKARANG. SEMUA PERISYTIHARAN, RESOLUSI DAN KENYATAAN YANG DIBUAT DALAM SIDANG KEMUNCIAK DAN PERSIDANGAN EKONOMI HENDAKLAH DILAKSANKAN. +

KEGAGALAN UNTUK MENGATASI MASALAH UTARA-SELATAN SEHINGGA INI TELAH MENYEBABKAN KEHAMPAAAN DAN MALAH KEKECEWAAN DI KALANGAN SETENGAH-SETENGAH PIHAK.

OLEH ITU TIDAKLAH MENGHAIRKAN BAHAWA KEBANYAKAN NEGARA TIDAK MAHU MENYERTA PERBINCANGAN-PERBINCANGAN YANG TIDAK MENCAPAI SEBARANG KEPUTUSAN. APA YANG DIPERLUKAN IALAH TINDAKAN, + TAMBAH PERDANA MENTERI. -- LAGI 1306/HM

MAHATHIR 3 OTTAWA R'R'R'

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BAHAWA MALAYSIA SEDANG MENGAMBIL BERBAGAI LANGKAH UNTUK MENINGKATKAN KERJASAMA DI KALANGAN NEGARA-NEGARA DI SELATAN.

IA TELAH MELANCARKAN PROGRAM KERJASAMA TEKNIKALNYA SENDIRI DENGAN SEBILANGAN NEGARA DI PASIFIK SELATAN DAN AFRIKA.

+MUNGKIN KITA TIDAK AKAN DAPAT MENCAPAI BANYAK KEJAYAAN, AKAN TETAPI IA ADALAH LEBIH BASK OARIPADA MENGAOAKAN PERSIDANGAN-PERSIDANGAN YANG TIDAK BERKEPUTUSAN, + KATANYA.

BELIAU MENGUCAPKAN TERIMAKASIH KEPADA KERAJAAN KANADA KERANA KEFAHAMAN YANG TELAH DITUNJUKKANNYA DALAM MENYELESAIKAN MASALAH-MASALAH BERKAITAN OENGAN PENGAMBILAN-ALIH SYARIKAT GUTHRIES KANADA OLEH PERBADANAN NASIONAL BERHAD. -- BERNAMA 1325/HM